



BULETIN NADI HAYAT



Terima kasih kepada semua pembaca yang budiman. Semoga anda mendapat manfaat daripada buletin yang disediakan ini. Tidak dilupakan kepada barisan sidang redaksi yang bertungkus lumus untuk menyediakan buletin ini. Semoga buletin akan dapat terus diterbitkan lagi pada masa akan datang.

Badan Redaksi Nadi Hayat
David Dominicus
Jack Richie Lee
Jessica Yampai
Lyncica Bonar
Bartholemew G. Lee
Normie E. Surin
Clarice Jariman
Ag. Ramlan Ag. Murshid
Nooraini Armando
Fredolin Andrew Sipail
Ricaldo Geonan Majutin



Selamat Datang & SELAMAT BERTUGAS

Warga Hospital Tuaran mengalu-alukan Pengarah Hospital yang baharu, YBrs. Dr. Lydiarita M. Marajin yang menggantikan YBhg. Datuk Dr. G. Mohan a/I A. Gopal Naidoo yang bersara pada 10 Jun 2022. Pelantikan ini berkuatkuasa 13 Mac 2023. Satu acara ringkas serahan tugas daripada daripada YBrs. Dr. Muhammad Faiz Moideen yang menanggung tugas sebelum kehadiran Dr. Lydiarita pada 13 Mac 2023. Warga hospital mengucapkan terima kasih kepada Dr. Muhammad Faiz (Disember - Mac) dan Dr. Clarence (Julai - November) sepanjang memegang jawatan tersebut.



Persijilan Kualiti Hospital Tuaran



LAWATAN BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN BAHAGIAN PERANCANGAN KKM

Satu lawatan daripada Bahagian Pembangunan KKM dan Bahagian Perancangan KKM telah berlangsung pada 22 Februari 2023. Lawatan serentak ini adalah merealisasikan Cadangan Kerja Naiktaraf Perkhidmatan Radiologi yang dilengkapi dengan CT Scan dan Ultrasound serta Kerja Naiktaraf Dewan Bedah Hospital Tuaran. Kerja naiktaraf ini adalah selari dengan cadangan naiktaraf Hospital Tuaran sebagai Hospital Berpakar Minor di masa akan datang. Dengan naiktaraf perkhidmatan-perkhidmatan ini, bakal memudahkan penduduk khususnya di Tuaran tidak perlu ke hospital besar di Kota Kinabalu. Turut hadir bersama adalah Bahagian Pembangunan JKN Sabah.



HOSPITAL TUARAN

Peti Surat 996, 89207 Tuaran, Sabah

088-788224 / 088-797100


088-788167

<http://htuaran.moh.gov.my>

@hospitaltuaran

SIMPOSIUM PENJAGAAN PRAHOSPITAL BORNEO

Buat julung kalinya, "1st Borneo PreHospital Care Symposium" yang bertemakan "Working Together" telah dianjurkan bersama oleh Hospital Tuaran, Persatuan Petugas Penjagaan PraHospital Kebangsaan (NAPHCARE), PHC Malaysia dan College of Emergency Physicians of Malaysia. Simposium ini bertujuan mempromosikan keunikan perkhidmatan prahospital yang ada di Borneo dan juga perkongsian pengalaman para responder dalam menjalankan perkhidmatan dengan cabaran geografi dan kekangan sumber yang ada. Melalui simposium ini juga, dapat membantu untuk memangkinkan usaha untuk meningkatkan perkhidmatan prahospital di Borneo. Panel pembentang adalah terdiri daripada pakar perubatan dan anggota kesihatan berpengalaman bukan sahaja daripada fasiliti kesihatan negeri Sabah malahan daripada seluruh Malaysia dan juga daripada Kongju National University (Korea Selatan). Turut memberi pengalaman dalam simposium ini adalah daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Sabah), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (Sabah) dan juga Persatuan Bulan Sabit Merah (Sabah). Sebanyak 27 ceramah dan perkongsian telah diadakan sepanjang 2 hari simposium yang diadakan pada 15-16 Februari 2023, diadakan di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri Sabah. Perasmian telah diadakan pada 15 Februari 2023 yang telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Rose Nani Mudin, Pengarah Kesihatan Negeri Sabah. Seramai 300 peserta telah mengikuti simposium edisi pertama ini. Jumpa di Kuching pada tahun 2024.



KENALI BAHASA TEMPATAN
MELAYU - KADAZAN - BAJAU - INGERIS

TEMBIKAI
SADU
CIKUI
WATERMELON

PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR		
BULAN	JUMLAH (PURATA)	
JANUARI	9,837	
FEBRUARI	9,561	9,640
MAC	9,523	
JUMLAH	28,930	

TOKOH BULANAN 2023

JANUARI	FEBRUARI	MAC

BILANGAN IBU BERSALIN			
BULAN	JUMLAH		
JANUARI	48		
FEBRUARI	43	123	
MAC	32		

KEMPEN DERMA DARAH				
BULAN	LOKASI	DARAH	PINT	
JANUARI	4	104		
FEBRUARI	4	141		
MAC	4	102		
JUMLAH	12	347		

Sumber: En. Suddy Amin, PT, Unit Rekod Perubatan

BANSIAN PESAKIT DALAM			
WAD (KATIL)	JANUARI	FEBRUARI	MAC
PEREMPUAN (20)	74.19%	85.71%	75.00%
LELAKI (20)	97.26%	103.21%	106.45%
BERSALIN (16)	31.65%	42.19%	35.08%
PEDIATRIK (26)	81.76%	93.68%	97.39%

Sumber: Umi Nadia Natasya, Pegawai Seranta, Unit Transfusi Darah

Sumber: En. Irwandi Abdullah, PPT, Unit Rekod Perubatan

Cherish all your happy moments;
 they make a fine cushion for old age.
Booth Tarkington

LAWATAN KERJA KETUA PERKHIDMATAN PEDIATRIK NEGERI SABAH

Lawatan ini telah dijalankan pada 13 Januari 2023 oleh YBrs. Dr. Fong Siew Moy bersama rombongan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Sabah. Lawatan ini antaranya untuk melihat secara dekat perkhidmatan yang disediakan oleh Hospital Tuaran bukan sahaja di Wad Pediatrik malahan juga di Pusat Jagaan Harian Talasemia dan Unit Kecemasan. Dr. Fong telah memberikan maklumbalas yang positif daripada lawatan ini untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kepada kanak-kanak di Hospital Tuaran.



BULAN KESEDARAN PENYUSUAN SUSU IBU

Hospital Tuaran sekali lagi akan menjalani Audi Baby Friendly Hospital Initiative pada bulan Ogos 2023. Antara persediaan untuk audit ini adalah dengan Bulan Kesedaran Penyusuan Susu Ibu. Bulan ini dijalankan sepanjang bulan Mac 2023 dengan meletakkan pameran kebaikan susu ibu di Lobi Utama Hospital Tuaran Fasa II. Pelancaran program ini telah disempurnakan oleh YBrs. Dr. Muhammad Faiz Moideen pada 1 Mac 2023 di Bilik Seminar Hospital Tuaran Fasa II.



LAWATAN PEMERIKSAAN AUDIT TEKNIKAL *FLYING SQUAD* PERKHIDMATAN SOKONGAN HOSPITAL (BAHAGIAN PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN KKM)

Dalam memastikan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) memberikan perkhidmatan yang terbaik bukan sahaja kepada KKM tetapi juga kepada pelanggan hospital, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan KKM telah membuat lawatan pemeriksaan Audit Teknikal atau dikenali sebagai *Flying Squad* ke Hospital Tuaran pada 2-3 Mac 2023. Pemeriksaan *Flying Squad* merangkumi kesemua perkhidmatan yang diberikan oleh PSH iaitu Sedafiat. Hasil daripada lawatan ini, *Flying Squad* menyarankan agar Sedafiat terus meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kepada Hospital Tuaran. Turut hadir pada lawatan ini ada Pengarah BPK dan YBrs. Dr. Muhammad Faiz Moideen.



LAWATAN TEMU MESRA KE HOSPITAL TAMBUNAN

Lawatan Temu Mesra ini merupakan salah satu cara untuk mengeratkan silaturahim sesama staf KKM. Hospital Tuaran melalui SMRC Tuaran mengadakan lawatan ini dengan mengadakan perlawanan persahabatan dengan staf Hospital Tambunan yang secara tidak langsung dapat memupuk semangat kerja berpasukan dan komunikasi berkesan sesama staf Hospital Tuaran. Dua sukan telah dipilih bagi tujuan ini iaitu bola sepak dan ping pong. Dengan semangat berpasukan, Hospital Tuaran telah berjaya memenangi kedua-dua perlawanan persahabatan ini. Lawatan Temu Mesra ini diketuai oleh En. Sujaji Effendi yang diadakan pada 11 - 12 Mac 2023 di Kompleks Sukan Tambunan.



ALBUM HOSPITAL TUARAN



Latihan Pemantapan Kawad Kecekapan Organisasi Keselamatan Kebakaran
09 Januari 2023



Penderma Paling Responsif Hospital Tuaran daripada Pusat Darah Negara (En. Jack)
15 Februari 2023



Happy Retirement
Majlis Persaraan KJ Jamilie Toisin
14 Januari 2023



Perhimpunan Pagi Februari
27 Februari 2023



Perhimpunan Pagi Januari
20 Januari 2023



Lawatan Penanda Aras EKSAs daripada Hospital Kudat
10 Mac 2023



Kursus ICLN/ICLP Bil.1/2023
31 Januari 2023



Lawatan Penanda Aras EKSAs daripada Klinik Kesihatan Luyang
30 Mac 2023



Pemeriksaan Kawalan Keselamatan Hospital Tuaran daripada KDN
09 Februari 2023



Perhimpunan Pagi Mac
31 Mac 2023